

20 SEP 1998

Komanwel-Tinju (Sapok)

SAPOK CATAT SEJARAH EMAS PERTAMA TINJU MALAYSIA

Oleh: Mohamad Nasir Yusoff

SHAH ALAM, 20 Sept (Bernama) -- Tinju mencatat sejarah bagi Malaysia hari ini apabila Sapok Biki memenangi pingat emas pertama negara di peringkat Sukan Komanwel.

Sapok mengalahkan Moses Kinyua dari Kenya dalam kategori 48kg dengan mata 19-13, yang begitu meyakinkan para penyokong Malaysia yang hampir memenuhi Stadium Malawati berkapasiti 10,000 penonton ini.

Gempita. Mungkin itulah kata-kata yang dapat menggambarkan betapa kuat bergemuruhnya sorakan, tepukan dan jeritan rakyat Malaysia yang menyaksikan sejarah negara dicatatkan oleh anak Sarawak berusia 24 tahun itu.

Setiap kali tumbukan kiri dan kanan Sapok mengena tepat ke muka Kinyua, setiap kali itulah bergemuruh stadium dengan sorakan dan tepukan. Jalur Gemilang memenuhi sekeliling pengadang dan segenap penjuru stadium.

Sekali lagi Sapok, satu-satunya peninju Malaysia yang berjaya ke pusingan akhir, menjulang gambar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengelilingi gelanggang sebaik diisytiharkan menang.

Dr Mahathir, yang hadir dengan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, nyata telah menunaikan permintaan Sapok ketika memenangi pusingan separuh akhir Jumaat lepas, bahkan juga telah mengalungkan pingat emas bersejarah itu kepada Sapok.

Sapok berkata kehadiran Dr Mahathir pasti meningkatkan keyakinannya untuk meraih emas untuk Malaysia.

Ini ditambah lagi dengan kehadiran dua tetamu istimewanya iaitu ibu dan bapanya serta ibu saudara dan bapa saudaranya yang terbang khas dari Simunjan awal pagi ini.

Bapanya Biki Kinyan, 47, ibunya Limah Jamba, 41, bapa saudaranya Bawiang dan ibu saudaranya Jatok tiba pagi ini khusus untuk menyaksikan Sapok, yang sudah menjadi lambang keperwiraan Iban, mencatatkan sejarah gemilang itu.

"Saya gembira Sapok menang pingat emas untuk Malaysia... dia memang handal," kata Biki mengenai pencapaian anak keduanya itu, manakala ibunya terlalu gembira sehingga tidak dapat mengungkap sebarang kata-kata.

Sapok pula ketika menyatakan kegembiraannya berharap emas tunggal negara sejak Malaysia menyertai acara tinju mulai tiga Sukan Komanwel yang lepas itu, akan merangsang kemajuan sukan tinju di Malaysia.

"Saya percaya bukan saya seorang sahaja yang dapat menyumbangkan pingat emas acara tinju, ramai lagi yang boleh," katanya, sambil masih menahan sebak kerana terlalu gembira dengan kemenangan itu.

Mengenai perlawanannya dengan Kinyua yang rendah sedikit daripada ketinggiannya 162sm itu, Sapok berkata beliau dapat menguasai pertarungan sebaik masuk pusingan kedua selepas dapat membaca cara permainan lawannya yang berusia 21 tahun itu.

"Memang dia tangkas menumbuk... pada pusingan pertama saya masih ragu tetapi masuk pusingan kedua saya dapat rasa saya akan menang," katanya, yang nyata lebih bertenaga, tangkas dan pandai mencari ruang tepat untuk menyinggahi tumbukan ke muka Kinyua.

Menurut anggota tentera dari Kem Sungai Udang, Melaka itu, tumpuan terdekat beliau ialah untuk berlatih bagi menghadapi Sukan Asia di Thailand akhir tahun ini, dan beliau berharap dapat terus dibimbing oleh jurulatih Thai, Adun Pasu Mokhtar yang telah membentuknya dari kaca menjadi permata tinju negara.

-- BERNAMA

MNY AO